



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
19 OGOS 2019 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- Kerajaan sedia dana program pertanian pintar

12



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 19 OGOS 2019 (ISNIN)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Kerajaan sedia dana program pertanian pintar
Muka Surat	12

Nasional

Kerajaan sedia dana program pertanian pintar

Bft 19/8/19 ms 12

Dasar baharu kukuhkan pertumbuhan ekonomi domestik: Azmin

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mengumumkan satu dasar baharu program pertanian pintar dengan peruntukan pembiayaan disediakan kepada pekebun dan petani.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata dasar baharu itu adalah sebahagian tumpuan kerajaan ketika ini untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi domestik negara.

"Kita akan mengumumkan satu dasar baharu di mana kita akan menyiapkan pembiayaan kepada pekebun kecil dan petani untuk terlibat dalam program pertanian pintar.

"Ini menerusi bantuan kewangan berbentuk pinjaman dengan kadar faedah paling minimum. Peruntukan ini dalam perancangan. Pada dasarnya kita sudah ada persetujuan, namun sedang dilakukan perincian.

"Ini supaya institusi kewangan yang terlibat dalam sektor pertanian pintar diberi peranan dalam membiayai program berke-



Mohamed Azmin (tiga dari kanan) menyertai larian 'World Stats Congress' 2019 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Mustaffa Kamal/BH)

naan," katanya selepas menyertai larian 'World Stats Congress' 2019 di Dataran Merdeka bagi kategori lima kilometer, di sini, semalam.

Terdahulu, Mohamed Azmin melepaskan 7,000 peserta larian sempena Kongres Statistik Sedunia, Institut Statistik Antarabangsa (ISI WSC 2019) ke-62 yang diadakan buat julung kalinya di Malaysia, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, bermula semalam sehingga 23 Ogos.

Mengulas lanjut, beliau berkata, program pertanian pintar berupaya mengukuhkan keselamatan makanan negara selain mengurangkan bergantung kepada negara kepada makanan import.

"Kita ada potensi besar kerana

import makanan negara ketika ini terlalu besar, RM50 bilion setahun. Komponen makanan yang diimport itu seperti sayur, bunga, cili, halia dan kubis sebenarnya boleh ditanam dalam negara.

"Negara kita aman, tanah kita subur, cuaca kita tidak terlalu ekstrem. Kita tidak ada gunung berapi dan malapetaka yang lain, cuma kita mahu rakyat terutama pekebun diberikan latihan dan bantuan untuk latihan pertanian pintar," katanya.

Beliau berkata, Pahang dan Terengganu adalah dua negeri berpotensi dijadikan lokasi penanaman pertanian pintar pada skala besar kerana memiliki keluasan kawasan mencukupi dan tanah-

nya subur untuk pertanian.

Selain program pertanian pintar, Mohamed Azmin berkata, kerajaan sedang memberi penekanan kepada mengukuhkan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Kita mendukung dan membantu PKS dalam negara supaya mereka dapat beralih kepada penggunaan teknologi baharu dan sudah tentu untuk beralih ke teknologi baharu seperti robotik dan automasi, PKS memerlukan bantuan serta sokongan kerajaan.

"Ini termasuk dari segi modal pelaburan untuk menyediakan peralatan canggih supaya kita tidak terlalu bergantung kepada tenaga asing dan ini dilakukan," katanya.